

Kampung Digital: 6 kampung selesai ditransformasi

ASAHAN - Enam kampung di negeri ini sudah 100 peratus ditransformasi menjadi Kampung Digital apabila proses cerapan siap dilakukan sepenuhnya.

Exco Sains, Teknologi, Inovasi

dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan berkata, pada fasa pertama, inisiatif itu membabitkan dua buah kampung bagi setiap daerah dengan Kampung Jeram, Masjid Tanah menjadi

lokasi pertama dipilih.

Menurut beliau, selepas ini, Kampung Digital akan digerakkan dari mukim ke mukim dan seterusnya memastikan kesemua 701 kampung di Negeri Melaka ditran-

sformasi sepenuhnya.

"Untuk perkembangan terkini, sebanyak enam kampung sudah selesai dicerap dan ditransformasi menjadi Kampung Digital manakala 10 lagi dalam proses pelaksanaan kerja-kerja cerapan.

"Bagi 23 lagi kampung masih lagi dalam perancangan ia membabitkan 15 kampung di Mukim Nyalas, Jasin; tujuh kampung di Mukim Ayer Molek, Melaka Tengah serta satu kampung di Mukim Gadek, Alor Gajah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan lawatan kerja ke beberapa kawasan ternakan dan tanaman bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), di sini, pada Khamis.

Fairul Nizam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan berkata, pihaknya juga masih menunggu keputusan pendaftaran alamat IP untuk Kampung Digital yang dikelolakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Ketua Menteri.

Kampung Digital merupakan inisiatif cetusan idea Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh dalam usaha melahirkan 'Digital Citizen' seiring dengan peredaran zaman.

Inisiatif itu juga bertujuan untuk meningkatkan kemajuan sosial, ekonomi dan teknologi dalam kalangan penduduk kampung serta menjadikan pengurusan alamat rumah lebih sistematik.



FAIRUL Nizam ketika mengadakan lawatan kerja ke beberapa kawasan ternakan dan tanaman bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) di Asahan. Foto: MR. AZLI

MELAKA HARI INI

06 - 251 9314 (Am)

**018 - 329 9936
(Pengiklanan)**

FAX: 06 - 251 9316

**PEMANGKU KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF
NASHARUDDIN
MUHAMMAD**

**KETUA PENGARANG
MOHD SALMAN HAMAT**